

Batal lesen bazar jika jual semula

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, memberi amaran bahawa lesen bazar Ramadan yang didapati dijual semula akan dibatalkan dengan segera.

Beliau menegaskan tindakan itu perlu dilaksanakan kerana saban tahun terdapat pihak yang mengambil kesempatan untuk menjual semula lesen terbabit bagi mendapatkan keuntungan mudah.

“Kalau ada persatuan yang ambil puluhan ringgit untuk pengawasan dan juga kebersihan, itu saya faham, tetapi ini (salah kerana) dijual semula.

“Jadi, kami kena pastikan siapa yang dapat lesen, dia kerja. Kalau dia pindahkan lesen itu, batal segera,” katanya ketika berucap pada perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Anwar berkata, pembatalan lesen bazar Ramadan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan sedemikian sudah di-amalkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan boleh dicontohi oleh pihak berkuasa tempatan lain. - Bernama